

ELEMEN KOMUNIKASI GURU PRA TAHFIZ AL-QURAN DI AS SALAHUDDIN SMART TAHFIZ SCHOOL

Siti Mursyidah Mohd Zin

sitimursyidah@kuis.edu.my

Nurzatil Ismah Azizan, Safinah Ismail, Fatin Nazmin Mansor dan Siti Nur Husna Abd
Rahman

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Kemahiran komunikasi guru akan mewujudkan suasana kelas interaktif di mana pelajar boleh aktif mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi mahir seseorang guru sekaligus menjadi medium untuk memudahkan pelajar menjadi aktif berkomunikasi dalam usaha mendapatkan maklumat. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan elemen-elemen komunikasi guru hafazan al-Quran yang digunakan di As Salahuddin Smart Tahfiz School di dalam menanam minat kanak-kanak untuk menghafal al-Quran. Artikel ini menggunakan metode kualitatif dengan rekabentuk kajian etnografi. Instrument kajian yang digunakan ialah temubual separa struktur ke atas guru As Salahuddin Smart Tahfiz School dan pemerhatian turut serta. Data kajian dianalisis secara induktif. Hasil kajian mendapati elemen komunikasi yang digunakan oleh As Salahuddin Smart Tahfiz School di dalam memupuk minat kanak-kanak Pra Tahfiz menghafal al-Quran sangat baik seperti menggunakan sumber yang utama iaitu al-Quran dengan kaedah log book, ibu bapa turut berpenanan untuk menyemak hafazan di rumah serta tidak menggunakan kaedah kekerasan. Selain itu saluran P&P yang menarik seperti manila kad, youtube, lcd dan lain-lain lagi untuk membuat aktiviti bersama pelajar, serta pemindahan mejes melalui P&P dengan pelbagai kaedah seperti bermain, berlakon, *flash card* dan lain-lain lagi. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak Pra Tahfiz terbukti mampu menghafal dan mengingat al-Quran dengan sangat baik melalui elemen – elemen yang di gunakan di As Salahuddin Smart Tahfiz School.

Kata kunci: Pra Tahfiz, metode komunikasi, al-Quran, As Salahuddin Smart Tahfiz School

1.0 Pengenalan

Kemahiran komunikasi adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain. Kemahiran komunikasi ini meliputi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam berkomunikasi dan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi (Nussabaum, 2007).

Dina Sekar Vusparatih (2014) menyatakan bahawa kemahiran komunikasi guru akan membuatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru sentiasa menjadi proses aktiviti interaksi yang dapat membina hubungan baik antara pelajar sebagai Pelajar dan guru sebagai pengajar. Kemahiran komunikasi guru akan mewujudkan suasana kelas interaktif di mana pelajar boleh aktif mengambil bahagian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi mahir seseorang guru sekaligus menjadi medium untuk memudahkan pelajar menjadi aktif berkomunikasi dalam usaha mendapatkan maklumat.

Komunikasi guru dalam pendidikan sangat penting bertujuan memberikan arahan dan bimbingan daripada seorang guru kepada pelajar. Dalam proses pembelajaran, guru akan memberi arahan kepada pelajar dan memberi perhatian kepada tingkah laku pelajar dari kalangan pelajar yang fokus hinggalah kepada pelajar yang tidak memberi tumpuan terhadap pelajaran yang disampaikan. Komunikasi guru memberi arahan kepada pelajar dengan menggunakan beberapa kaedah bermula dari kaedah arahan, kaedah tugasan, kaedah individu, kaedah latihan dan kaedah soal dan jawab. (Mutia Anggraini, 2017)

2.0 Isu-Isu Komunikasi Guru Hafalan Al-Quran Kepada Kanak-Kanak

Pembinaan kajian yang bermutu merupakan hasil daripada analisis kajian-kajian lepas yang mempunyai skop dan bidang yang sama dengan kajian yang ingin dilakukan. Menurut Bhasah Abu Bakar dan Yuslina Mohamed (2013), ulasan kepustakaan penting untuk memperoleh dan mengembangkan idea melalui kaedah atau metode yang bersesuaian dengan kajian. Ulasan kepustakaan merupakan ringkasan atau ulasan bertujuan untuk mengenal pasti kajian yang belum dilakukan oleh para pengkaji yang lepas (Mahizer Hamzah, Abdul Talib Mohamed Hashim, Noraini Mohamed Noh & Norazilawati Abdullah 2014).

Berdasarkan penganalisan terhadap hasil kajian-kajian lepas, perbincangan dalam sub topik ini dibahagikan kepada dua tema. Pertama, kajian-kajian berkaitan pendekatan komunikasi guru. Kedua, kajian-kajian berkaitan dengan teknik penghafalan al-Quran. Perkara ini dikaji adalah kerana teknik yang digunakan di kebanyakan pusat pendidikan dan asuhan kanak-kanak lebih menekankan kepada kemampuan membaca, mengira dan/atau aktiviti sosial. Namun tidak banyak kajian atau pendokumentasian yang dilakukan mengenai kemampuan mereka dalam membaca al-Quran (Siti Patonah Mohamad, 2014).

2.1 Pendekatan Komunikasi Pendidik

Terdapat banyak kajian yang membincangkan tentang pendekatan komunikasi. Samaada proses komunikasi secara lisan atau bukan lisan. Proses ini berlaku semasa perpindahan dan pengaliran maklumat daripada seseorang kepada seseorang yang lain dinamakan komunikasi. Komunikasi merupakan suatu proses yang berlaku apabila penghantaran mesej daripada penghantar kepada penerima. Sekiranya penerima dapat memahami mesej yang dihantar oleh penghantar dengan tepat dan jelas maka berlakulah komunikasi. Komunikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Komunikasi lisan merupakan proses perpindahan idea dan disampaikan menggunakan bahasa yang mudah difahami manakala komunikasi bukan lisan ialah limpahan idea yang melibatkan penggunaan bahasa badan seperti menganggukkan kepala tanda setuju (Norhayati Mohd Noor et al, 2018).

Sekolah merupakan tempat yang paling banyak berlakunya proses komunikasi khususnya dalam bilik darjah iaitu semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Proses komunikasi dalam bilik darjah boleh berlaku secara lisan dan bukan lisan di mana pengetahuan, sikap dan kemahiran yang disampaikan bertujuan untuk mendapatkan gerak balas yang dikehendaki. Komunikasi lisan berlaku apabila guru berinteraksi dengan Pelajar ketika bercakap, memberi penjelasan, menyoal, meneguh,

menegur, mengarah, menghampiri, mengenakan denda dan sebagainya. Sementara komunikasi bukan lisan berlaku melalui hubungan mata, pergerakan badan, air muka, pakaian, keterampilan, penglibatan pendengar, penggunaan gurau senda dan sifat semula jadi guru (Mohd Khairuddin Abdullah, 2014).

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) banyak melibatkan proses komunikasi. Proses (P&P) di sekolah sudah pastinya melibatkan interaksi antara guru dan pelajar. Proses komunikasi ini tidak terikat dalam bentuk sahaja dan lebih menarik jika proses (P&P) dijalankan secara komunikasi dua hala di dalam bilik darjah. Malah ada masanya, guru juga bertindak sebagai penerima dan pelajar pula bertindak sebagai penyampai. Ini bergantung kepada proses interaksi yang dicorakkan oleh mereka (Aziz Bin Nordin & Siti Sumaziana Binti Che Ali Mohamed, 2008). Ah Meng Ee (1999) menyatakan komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) malah kepentingannya dalam pendidikan juga turut diakui oleh Mok Soon Sang (2000) yang menyatakan proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Samsuddin A.Rahim (1993) pula, kejayaan fungsi pendidik bergantung kepada sejauh mana seseorang itu merasai bahawa pengetahuannya bertambah hasil daripada pendedahannya terhadap maklumat yang diterimanya.

Kelemahan guru berkomunikasi dengan berkesan bukan sahaja boleh menyebabkan objektif (P&P) yang dirancang akan gagal malah boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati Pelajar sepanjang proses pembelajaran tersebut. Oleh itu, kelemahan guru berkomunikasi juga turut mempengaruhi tingkah laku pelajar. Guru perlu bijak menyusun strategi agar suasana komunikasi antara guru dan pelajar dapat berlaku secara harmonis, saling membantu, hormat menghormati supaya tidak timbul sebarang konflik (Siti Raihana et al 2015). Komunikasi berfungsi untuk memberi maklumat, mendidik, memujuk dan menghibur. Dalam konteks pengajaran, keempat-empat fungsi komunikasi ini memainkan peranan yang penting (Hashim, 2001). Menurut Mohamed Sani (2007) guru bukan hanya berperanan sebagai pendidik dalam akademik semata-mata, tetapi guru berkomunikasi untuk menyampaikan isi pelajaran, mendidik pelajar, menggunakan daya memujuk dan mewujudkan keceriaan dalam bilik darjah bagi menarik minat pelajar terhadap apa yang disampaikan. Dalam memahami perkara yang di fikirkan oleh pelajar, komunikasi menjadi satu medium untuk guru memahami proses pemikiran pelajar (Cheah Yin Mee, 2007).

Kepentingan dalam pemahaman gaya komunikasi turut disokong oleh Hariyana, Anindya dan Januarti (2009) yang mengatakan bahawa gaya komunikasi merupakan suatu peringkat perilaku komunikasi yang digunakan dalam suatu situasi tertentu. Dalam pengurusan sesebuah organisasi, terdapat hubungan dengan gaya komunikasi yang digunakan oleh setiap individu yang terlibat. Justeru itu, adalah penting untuk pensyarah memahami dan mengenalpasti gaya komunikasi pelajarnya agar pengurusan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan baik. Sekiranya pensyarah lemah atau tidak mengambil tahu gaya komunikasi pelajar, pelajar akan merasakan tidak selesa dan tidak memberi tumpuan terhadap pembelajaran yang disampaikan (MingFoong Lee et al, 2014).

Kualiti dan kemampuan guru yang dimaksudkan dalam bidang al-Quran ialah mengerti dan memahami tentang selok belok bacaan al-Quran dan mengetahui konsep

pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Mohd Yusof 2000: 182). Selain daripada itu, guru juga mestilah tidak menggelabah dan gopoh-gapah dalam pengajarannya serta tahu kondisi dan kemampuan pelajarnya. Guru yang cemerlang mampu melahirkan generasi yang gemilang (Dachlan Salim Zakarsyi 1963).

Memandangkan gaya pembelajaran dan gaya komunikasi adalah penting dalam memastikan pelajar dapat belajar dalam keadaan yang digemari, sekaligus dapat memastikan kecemerlangan akademik pelajar. Justeru itu, gaya pengajaran pensyarah perlulah sesuai dan fleksibel dengan gaya pembelajaran dan komunikasi pelajar. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan setiap individu Muslim mempunyai kemahiran dalam membaca al-Quran. Penerapan ilmu al-Quran dalam jiwa remaja masa kini dilihat amat penting terutamanya apabila keruntuhan akhlak dan budaya Islam kerap berlaku.

Terdapat beberapa kajian yang membincangkan tentang teknik penghafalan al-Quran. Menurut Siti Patonah Mohamad (2014), pedagogi pengajian al-Quran menghasilkan pelbagai teknik dan kaedah bagi memudahkan individu Muslim, khususnya dalam aktiviti-aktiviti pengajian al-Quran seperti mengenal hukum-hukum tajwid dalam al-Quran serta menghafal.

Perkembangan pendidikan Islam di negara ini berjaya melahirkan para ilmuwan yang kreatif dan inovatif. Hal ini juga didorong oleh pemerhatian mereka terhadap kelemahan kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang sedia ada sehingga tidak berupaya menyelesaikan isu kebolehan membaca al-Quran khususnya penguasaan ilmu tajwid dalam kalangan Pelajar sekolah secara tuntas (Mukri 1994; Mohd Alwi 2010). Sehubungan itu, lahirlah beberapa kaedah baharu seperti kaedah al-Baghdadi, kaedah al-Matien dan yang terkini kaedah Haraki. Kaedah al-Matein merupakan salah satu teknik baharu yang diketengahkan dan dibuktikan keberkesannya dalam meningkatkan keupayaan Pelajar membaca al-Quran secara bertajwid di samping menguasai ilmu tajwid secara teori. Hal ini kerana kaedah ini menekankan kemahiran guru dalam modul sebelum mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Hussin, 2018).

Pembelajaran al-Quran, ia bermula dengan kemampuan dan kemahiran seseorang menguasai asas pembelajaran al-Quran iaitu mengenal dan membunyikan setiap huruf hijaiyah. Kesukaran yang dihadapi di peringkat pembelajaran awal literasi al-Quran akan membawa masalah pada peringkat seterusnya. Jika masalah ini berterusan dan kumulatif penguasaan literasi Pelajar akan terus bermasalah dan kekal. Masalah literasi yang tidak diatasi di peringkat awal akan memberi kesan negatif kepada Pelajar khususnya dalam penguasaan kemahiran membaca Al-Quran (Khalit, 2015).

Metod pengajarannya yang digunakan haruslah dikuasai dan difahami agar ia bersesuaian dengan tahap pelajarnya. Guru memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran mencapai matlamat yang dikehendaki. Terdapat banyak kajian yang berkaitan perlakuan guru dan kesan-kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam pendidikan sekolah. Kajian tersebut memperlihatkan kesan-kesan positif dan negatif mengenai sikap dan nilai prestasi guru terhadap pencapaian pelajar (Muhamad Anuar Basir, 2013).

Menurut Ahmad Hasim Fauzan (2015),pula mengatakan pendidikan adalah satu usaha untuk mewujudkan suasana belajar dan proses pembelajaran yang memiliki kekuatan spiritual keagamaan, pengendalian diri, kepribadian, kecerdasan, akhlak mulia, serta keterampilan yang di perlukan diri seseorang individu, masyarakat, bangsa, dan negara. Baca Tulis Al-Quran (BTQ) adalah kegiatan mendidik, mengajar, membimbing, dan melatih peserta didik / warga belajar dalam peningkatan kompetensi. Baca Tulis Al-Quran (BTQ) yang dilakukan secara tersendiri dalam struktur kurikulum dalaman. Baca Tulis Al-Quran (BTQ) sebagai kurikulum yang wajib bagi pelajar yang beragama Islam, yang semata-mata untuk meningkatkan pemahaman dan pengamalan isi kandungan al-Quran.

Manakala Khoirul Anwar, Mufti Hafiyana (2018) pula berpendapat, untuk mengekalkan kesucian al- Quran, selain melakukannya dengan membaca dan memahami, kami juga cuba menghafalnya. Pada pemikiran asas yang disebutkan, maka dirumuskan fokus pada penelitian ini adalah merencanakan kegiatan menghafal al-Quran, pelaksanaan metode ODOA (satu hari satu ayat) dalam meningkatkan kemampuan menghafal al-Quran para pelajar. Berbeza pula pendapat Hatta Abdul Malik (2013), beliau menyebut metode dan strategi yang digunakan dalam pengajaran ini adalah pendampingan kepada pleajar dan pengajar, untuk membuat pendidikan al-Quran yang lebih menarik bagi anak-anak. Pendidikan al-Quran adalah dengan bersama-sama mengadakan analisa situasi dengan menggunakan analisis SWOT. Menggunakan analisis SWOT iaitu *Strenghts* (kekuatan), *Weaknesses* (kelemahan), *Opportunity* (kesempatan) dan *Threat* (Ancaman). Lain pula pendapat Haziyah Hussin (2018), beliau mengatakan kaedah *Iqra'* merupakan teknik yang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah-sekolah Malaysia bagi membolehkan Pelajar dapat membaca al-Quran dengan cepat. Penggunaan kaedah yang tepat dan sesuai merupakan salah satu faktor yang menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Fatimah 2002). Oleh itu, pelbagai kaedah, teknik dan modul diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang bertujuan membantu masyarakat boleh membaca al-Quran dengan cepat dan lancar.

Selain daripada dua kaedah tersebut, beberapa kaedah atau teknik lain diperkenalkan di negara ini, namun kurang mendapat perhatian. Antaranya ialah Kaedah Cepat Membaca al-Quran al-Barqy. Kaedah ini diasaskan oleh Ustaz Muhadjir Sulthon pada tahun 1965. Matlamatnya adalah untuk memperkenalkan satu kaedah sistematik yang memudahkan anak-anak untuk membaca ayat al-Quran yang bersambung dengan cepat seperti kilat, sesuai dengan penamaan kaedah ini sebagai al-Barqy. Pengajaran al-Quran dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan empat set kata kunci. Setiap satu kata kunci terdiri daripada empat huruf yang memiliki makna yang mudah difahami. Tiga sistem asas yang mendasari kaedah al-Barqy ialah pengamatan bentuk dan bunyi huruf, pemilihan dan pemisahan kalimat, serta pemaduan kalimat berasaskan bahasa Arab. Beberapa surah iaitu *al-Fatihah*, *al-Nas*, *al-Falaq*, *al-Ikhlas*, *al-Nasr*, *al-Masad*, *al-Fil*, *Quraisy*, *al-Ma'un* dan *al-Kauthar* dijadikan sampel bagi aktiviti membaca al-Quran secara bertajwid. Modul pembelajarannya dibantu dengan nasyid, buku aktiviti, kad tunjuk, carta dan panduan mengajar. Kepelbagaian teknik ini membolehkan anak-anak dapat menguasai bacaan al-Quran selepas melalui 48 sesi pembelajaran dan setiap sesi hanya mengambil masa 30 minit sahaja (Muhadjir, Arwani & Md Iskandar 2001).

Selain itu juga penggunaan medium berasaskan perisian berbantuan komputer (PBK) merupakan satu metode yang rancak dijalankan di era zaman ini. Contohnya, pelbagai perisian yang menarik direka untuk memudahkan Pelajar-Pelajar memahami subjek yang diajar (Ali dan Man 2011; Idris dan Anis 2007; Mokhtar 2004). Lambakan peranti terkini di pasaran seperti iPad, iPod dan tablet memudahkan ibu bapa atau guru memuat turun aplikasi yang bersesuaian untuk anak-anak mereka. Kebanyakan aplikasi yang digunakan menekankan konsep belajar sambil bermain (permainan) bagi menarik minat Pelajar. Aplikasi yang digunakan juga mempunyai latar belakang yang menarik seperti penggunaan warna-warna yang ceria serta dilengkapi audio yang mampu membangkitkan semangat belajar terutama untuk memudahkan penghafalan. Saidina Umar al-Khattab juga pernah berkata “didiklah anak-anak kamu mengikut zamannya” (Sulaiman 2006). Menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang selari dengan perkembangan teknologi terkini seperti iPad atau tablet mampu menarik minat golongan ini dalam usaha mengajar mereka mengaji al-Quran. Selain itu, pengajaran secara berhemah dengan mengamalkan konsep *tabsyir* dan *indhar* perlu disesuaikan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran (P&P) bagi memastikan kelangsungan minat mereka dalam pengajian al-Quran.

Khalit (2015), pula berpendapat Pelajar lebih bermotivasi belajar menggunakan kaedah kaedah gabungan bunyi kata (KGBK) al-Quran berbanding kaedah *Iqra'*. Penggunaan kaedah gabungan bunyi kata (KGBK) mudah belajar dan fahami al-Quran terhadap literasi Al-Quran Pelajar-Pelajar bermasalah pembelajaran di kelas Pendidikan Khas. Kaedah ini pada asasnya dibina berdasarkan Kaedah Gabungan Bunyi Kata yang telah digubal oleh Isahak Haron (1979).

Dalam mendidik anak-anak terutamanya yang masih kecil, memerlukan pelbagai teknik dan pendekatan kerana setiap Pelajar mempunyai perwatakan yang berbeza. Peranan guru dalam penyebaran maklumat kepada anak didik adalah juga antara tunjang utama kejayaan proses pembelajaran seperti memperdengarkan ayat-ayat al-Quran setiap kali sesi pembelajaran diadakan (Siti Patonah Mohamad, 2014). Pelajar-pelajar seharusnya diajar untuk melakukan latihan penyebutan yang berulang. Ini kerana, dengan latihan yang berulang, pelajar-pelajar dapat mengurangkan kesalahan dalam penyebutan perkataan bahasa Arab. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk latihan penyebutan ini. Antaranya, pelajar boleh membaca buku-buku Arab, sama ada buku teks atau buku-buku cerita Arab. Mereka boleh membacanya dengan kuat sambil diperhatikan oleh guru atau sesiapa sahaja (Muhamad Anuar Basir, 2013).

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Menurut Kamarul Azmi (2012), Kajian Kualitatif adalah kaedah yang menumpukan usaha untuk mencari keterangan serta pemerhatian yang bukan numerikal walaupun terdapat keterangan, interpretasi atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini menggunakan pandangan umum terhadap sebarang tindakan sosial untuk memberi keterangan terhadap keadaan dan sifat manusia. Oleh itu, pengkajian ini tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak, sebaliknya ianya adalah usaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan penumpuan kepada sampel yang kecil.

Kajian ini memberi penekanan terhadap mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal iaitu terhadap pendekatan komunikasi guru Pra Tahfiz dalam pengajaran hafazan al-Quran terhadap pelajar Pra Tahfiz.

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kajian etnografi. Kajian etnografi ialah pada umumnya dihubungkan dengan pengkajian pada antropologi. Etnografi dalam pengkajian kemasyarakatan adalah merupakan pendekatan pengkajian yang merupakan pendeskripsian secara analitik dan mendalam tentang situasi budaya yang spesifik (Kamarul Azmi, 2012).

Pembinaan instrumen kajian dilakukan dengan merujuk kepada teori berkenaan komunikasi yang terdapat dalam kajian lepas berkenaan elemen komunikasi guru dalam kalangan kanak-kanak Pra Tahfiz di As Salahuddin Smart Tahfiz School. Selain itu kesahan turut dilakukan bagi memastikan soalan temubual adalah soalan yang bersesuaian dengan kehendak dan objektif kajian. Oleh yang demikian artikel ini bertujuan untuk menerangkan elemen-elemen komunikasi guru hafazan al-Quran di As Salahuddin Smart Tahfiz School.

4.0 ELEMEN KOMUNIKASI GURU PRA TAHFIZ AL-QURAN DI AS SALAHUDDIN SMART TAHFIZ SCHOOL

Proses komunikasi mempunyai beberapa elemen yang saling berkaitan bagi memastikan komunikasi dapat berjalan lancar dan efektif. Dalam kajian ini, terdapat beberapa elemen komunikasi yang dilihat dalam menilai pendekatan komunikasi guru Pra Tahfiz al-Quran di As Salahuddin Smart Tahfiz School antaranya ialah sumber, komunikator, penerima, saluran, mesej, maklum balas dan kesan.

4.1 Sumber

Informan P1 menyatakan al-Quran merupakan sumber utama kepada pembelajaran, pelajar menjadikan al-Quran sebagai panduan dalam hafalan mereka. Naskah Al-Quran merupakan kitab yang digunakan sebagai rujukan guru dan pelajar. Namun begitu As Salahuddin Smart Tahfiz School telah membuat modul yang bersumberkan al-Quran dan dinamakan Hafazan Log Book bagi memantau hafazan al-Quran pelajar pra Tahfiz di As Salahuddin Smart Tahfiz School.

Selain itu sistem pembelajaran yang teratur turut dilaksanakan dengan mengikut jadual pembelajaran. Pembelajaran al-Quran dan Hadis akan dipelajari daripada hari Isnin sehingga hari Jumaat, manakala hari Rabu dikhususkan untuk mempelajari kisah-kisah di dalam al-Quran dan hadis.

P1: *“...diaorang hari isnin sampai jumaat memang hafazan al-Quran sampai petang tau, pukul 3 sampai pukul 5, hari rabu sahaja untuk “al-Quran History” haaa dengan hadis... Ada yang juzuk 29 ada yang 28, ada yang baru nak bermula juzuk satu dan masuk juzuk dua”*

Seterusnya, informan P1 juga berpendapat semakan modul yang digunakan dalam sesi pembelajaran turut dilakukan. Semakan modul ini dilakukan oleh guru yang berpengalaman, semakan ini bertujuan bagi memastikan modul pembelajaran dapat ditambahbaik, disamping memberikan kursus kepada guru untuk menambah ilmu dalam pengajaran dan juga dari aspek pentadbiran. Informan P1 turut menyatakan modul dan kursus dikendalikan oleh individu yang bertepatan selalunya adalah guru senior agar tidak berlaku isu di kemudian hari.

P1: *“Dia “teacher” juga, dia kami tak boleh “hire” orang lain, dia “certain” modul kami kami tak boleh panggil orang lain masa “in house”, memang kami akan yang “training”, “teacher” yang mengajar “teacher” yang “training, senior teacher” sebab diaorang ni kita tahu apa yang jadi dalam sekolah, kalau kita jemput orang lain dia boleh jadi general isu tau, macam hari tu seksual ke pendidikan seksual kanak-kanak apa kan orang luar, kalau bukan akademik ke apa memang saya panggil “senior teacher”, memang ada “discussion” dengan apa semua, jadi diaorang ni je yang faham macam nak buat sebab kan bila kita training kan ada dua communication, guru tu yang pandai dari orang luar, kalau kita panggil orang luar awak ikut lah apa yang haa sekolah itu buat, awak perlu tengok lah rekod apa nak rekod, tapi teacher yang detail boleh tak pakai pen merah perlu pakai pen ini, sampai ke pen pun haaa benda sikit-sikit pun diaorang ni lah, tengoklah nak training tu training apa”*

4.2 Komunikator

Informan P1 berpendapat bahawa guru perlu menjadi komunikator bagi membimbing pelajar untuk menghafal al-Quran. Cara terbaik adalah menjadi contoh tauladan yang baik kepada pelajar, pelajar akan mencontohi guru dalam pembelajaran mereka. Selian itu guru juga perlu faham tahap kemampuan pelajar, meskipun terdapat silibus yang ingin dicapai namun terdapat pelajar yang mempunyai tahap hafazan yang rendah. Justeru, guru perlu menyeimbangkan penerimaan pelajar agar pelajar tidak tertekan semasa belajar.

P1: *Haa tak ada, target tu ada cuma macam mana, kalau kita ikut target, kita perlu habiskan juzuk amal tu, tapi kalau Pelajar dah sampai surah al-Insyirah macam tinggal sikit lagi kan, its okay haa tapi kita tak nak lah budak tu stress sebab kita peringkat pra-sekolah haa yang kat atas tu perlu la, paksa”*

Informan P1 menyatakan lagi bahawa bagi memantapkan penyampaian ilmu mengendalikan pembelajaran hafazan al-Quran adalah dengan menghadiri kursus yang memberikan pendedahan kepada guru dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Pihak pengurusan mengadakan kursus kepada guru baharu iaitu kursus al-Quran sekurang-kurangnya sekali pada sesi awal pengajian, manakala kursus kepada semua guru setahun sekali ataupun dua kali setahun. Malah guru turut dihantar ke kursus dibawah JAIS diberikan pendedahan pengajaran.

P1: *“Dia tengok ni lah aaa macam yang JAIS punya diaorang pergi lah, hantar macam intern pun diaorang pergi juga setiap waktu ni”*

Seterusnya, menurut informan P1 bagi memastikan sesi pembelajaran dapat berjalan dengan lancar guru perlu membuat perancangan pembelajaran (*lesson plan*) mereka, guru perlu merancang aktiviti pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar dan keperluan pembelajaran sepanjang sesi pembelajaran.

P1: *“Memantau, tak sempat nak mengajar tapi diaorang memang perlu buatlah, tiap minggu perlu hantar, saya lah yang perlu semak, haa saya perlu semak diaorang punya lesson plan, orang panggil P&P kan, orang panggil lesson plan, so dia punya P&P masuk dalam tu, nak buat aktiviti apa, sesuai tak, apa barang yang diperlukan, jadi saya lah yang perlu sediakan jika perlukan barang-barangan, contohnya ada surah yang perlukan 6 hari untuk cipta apa kan, macam hari pertama nak cipta apa kan, hari kedua nak cipta apa untuk buat aktiviti, hari itu cipta langit yang ni cipta manusia hari terakhir kan haaa diaorang buat itu”*

4.3 Penerima

Pelajar merupakan penerima ilmu yang disampaikan dalam sesi pembelajaran. Guru perlu memahami pelajar sebaiknya untuk memastikan pelajar sebagai penerima betul-betul menerima ilmu yang dipelajari. Menurut informan P1 setiap pelajar mempunyai karakter yang berbeza guru memerlukan masa untuk memahami perwatakan setiap pelajar yang diajar oleh mereka. Terkadang guru perlu membimbing pelajar untuk memastikan mereka belajar.

Selain itu Informan P1 juga berpendapat memahami karakter pelajar termasuklah memahami pelajar dari aspek emosi. Kadangkala terdapat pelajar yang terlalu penat dengan rutin harian pembelajaran dan guru perlu untuk memahami dan memberikan kelonggaran sekiranya perlu kerana mereka masih lagi kanak-kanak.

P1: *“Kalau urmmm kita tengok kita jangan bagi setiap hari, nanti diaorang tak boleh hafal, dia perlu baca haaa at least dia baca, dia perlu.”*

“teacher kita penat lah hari ni”, kita tak tahu emosi anak-anak ni kan, kadang-kadang walaupun full day, tapi dia dah penat sangat dah ni, okay tak apa esok awak hafal ya, jangan bagi berturut sampai 2 3 hari jangan sampai sebulan tak hafal, seminggu tak hafal, tak boleh...”

Hal ini juga turut dinyatakan oleh informan P1 bahawa apabila pelajar belajar secara beramai-ramai kemampuan pelajar adalah tidak sama dari segi penerimaan ilmu atau hafalan. Justeru, perlu lebih mendekati pelajar untuk mengetahui kemampuan setiap pelajarnya.

P1: *“...biasanya masa belajar ramai-ramai dengan pelajar tu kemampuan diaorang kan tak sama, so teknik nak dekat dengan student”*

Informan P1 juga berpendapat penerimaan pelajar terhadap hafalan q1-Quran perlu dengan bantuan ibu bapa di rumah. Ibu bapa perlu membantu menyemak dan mengambil tahu prestasi hafalan anak mereka di sekolah. Selain itu kaedah ini juga dapat membantu anak-anak mereka melancarkan hafazan di rumah. Tindakan ibu bapa yang memberikan maklum balas prestasi anak kepada guru seperti menghantar video anak mereka menghafal akan memberikan informasi kepada guru tentang prestasi pelajar mereka. Tanggungjawab pengajaran hafazan al-Quran kepada pelajar bukan hanya tanggungjawab guru di sekolah malah ia juga merupakan tanggungjawab kedua ibu bapa.

P1: *“...ni message book perlu bawa balik dan urmm komunikasi dia bukan komunikasi secara formal, apakah komunikasi kita dengan dia nak ulangkaji kat rumah, dia ada hafazan pula, parents perlu semak”*

P1: *“Tapi mak ayah dia mesti nak tahu dah hafal sampai surah mana, sebenarnya diaorang hantar je macam “teacher tengok ni saya buat video, anak saya buat ulangan hafazan”*

4.4 Saluran Pembelajaran dan Pengajaran (P&P)

Saluran adalah medium yang digunakan oleh guru dalam P&P yang disediakan oleh sesebuah sekolah. Informan P1 mengatakan bagi mempelbagaikan saluran penyampaian ilmu pengetahuan kepada pelajar guru diberikan kelonggaran untuk menggunakan LCD dan bahan-bahan berbentuk video untuk tayangan kepada pelajar seperti video-video mengenai cerita para nabi dan adab di dalam menuntut ilmu dan kehidupan seharian.

Informan P1 juga berpendapat penggunaan LCD untuk tayangan video daripada *youtube* digunakan dalam pembelajaran. Di samping itu terdapat juga penggunaan kertas manila kad untuk menjalankan aktiviti bersama pelajar.

P1: *“Ada, teacher pakai LCD semua sebab selalu ada video ataupun gunakan kertas, manila kad yang nak buat aktiviti tu kan, haa memang perlu pakai semua tu... Haa betul video youtube semuanya lah”*

Menurut informan P1 lagi guru juga boleh menggunakan saluran lain yang lebih interaktiviti seperti nyanyian, permainan seperti lego dalam mempelbagaikan saluran pengajaran hafazan al-Quran. Guru perlu menjadi lebih kreatif dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar tambahan pula kanak-kanak pra tahfiz.

Seterusnya, informan P1 turut berpendapat permainan bingo iaitu permainan teka teki dapat membantu sesi pembelajaran dan ingatan pelajar. Teknik bermain merupakan salah satu saluran pembelajaran yang dapat membantu pelajar dan guru .

P1: *“Bingo ni yang maksudnya yang teka-teka tu kan, maksudnya jadi dia akan ingatlah yang ayat walaupun kita minta dia hantar yang tengah... Haa bingo yang teka-teka, so dorang akan ingat”*

Melalui pemerhatian yang dilakukan di P1 pengkaji mendapati para guru di As Salahuddin Smart Tahfiz School turut menggunakan teknik hafalan melalui lakonan.

4.4 Pemindahan Mesej Melalui P&P

Mesej yang disampaikan kepada para pelajar adalah ilmu yang akan diterima dan diamalkan oleh para pelajar. Menurut informan P1 penerangan mengenai kelebihan al-Quran kepada pelajar perlu dilakukan bermula dari kecil bagi menimbulkan keseronokan dan kebiasaan kepada pelajar untuk membaca al-Quran. Apabila pelajar sudah mengenali al-Quran dari kecil mudah untuk mereka mengamalkannya.

Selain daripada hafazan al-Quran, pelajar Pra Tahfiz di As Salahuddin Smart Tahfiz School turut didedahkan dengan ilmu-ilmu lain. Menurut informan P1 pelajar juga didedahkan dengan hadis yang mereka perlu hafal bukan sahaja dalam bahasa arab tetapi pelajar juga memahami makna hadis tersebut dalam bahasa melayu. Guru akan mengajarkan hadis pendek sahaja yang sesuai dengan tahap pelajar.

P1: *“...tapi “teacher” akan “selected” yang pendek-pendek sahaja sebab diaorang perlu hafal tak boleh hafal in “arabic” sahaja, perlu hafal makna tu sekali. Diaorang perlu faham ooo hadis ini tentang apa, haa tu yang perlu “role play” tadi, itu hari rabu”*

Selain itu, informan P1 menyatakan mesej yang disampaikan oleh guru berkenaan kisah-kisah para nabi yang boleh dijadikan teladan. Guru juga berperanan menyampaikan kisah-kisah teladan kepada pelajar disamping menerapkan kelebihan hafazan al-Quran.

Daripada pemerhatian yang dilakukan di Pra Tahfiz As Salahuddin Smart Tahfiz School turut menerapkan pembacaan doa melalui hafazan sebelum proses P&P.

4.5 Maklum Balas Proses P&P

Maklum balas adalah respon pelajar terhadap apa yang diajarkan oleh guru semasa sesi pembelajaran. Informan P1 menyatakan maklum balas semasa sesi pembelajaran yang lebih baik adalah memberikan ruang kepada pelajar untuk bertanyakan soalan berbanding guru mengajukan soalan kepada pelajar. Sekiranya guru yang mengajukan soalan maklum balas yang diterima oleh pelajar tidak secara keseluruhan pelajar.

Seterusnya bagi informan P1 hadiah seperti alat tulis menjadi rangsangan kepada pelajar dalam proses pembelajaran. Guru menyediakan hadiah kepada pelajar yang menunjukkan prestasi yang baik dalam pembelajaran. Pelajar juga akan menunjukkan kesungguhan dalam pembelajaran dengan adanya ganjaran.

P1: *“Haaa itu terpulang pada teacher, ada yang bagi alat tulis, kadang-kadang bagi sapa, dia bagi melukis, of course perlu ada reward, mesti lah buat”*

4.6 Kesan Teknik P&P Terhadap Pelajar

Informan P1 mengatakan kesan daripada ilmu yang dipelajari dapat dilihat melalui soalan yang dikemukakan oleh guru, kemampuan pelajar untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan. Sekiranya pelajar mampu untuk menjawab bermakna pelajar memahami apa yang dipelajarinya dan sebaliknya. Guru dapat menilai sendiri penguasaan pelajar terhadap ilmu dan hafalan mereka.

P1: *“Bila kita tanya balik dia boleh jawab, bile kita tanya, kita bagi soalan dia boleh jawab, haa itu maksudnya dia boleh lah, kadang-kadang budak ni dia keliru pun ada, guru tahu kita tengok je, tapi sebenarnya dia tak dapat kita sendiri lah boleh nilai lah budak tu macam mana”*

Di samping itu, Informan P1 kesan pembelajaran hafalan pelajar juga dapat dilihat ketika pelajar berada di rumah, ibu bapa membantu guru menyemak bacaan dan cakna terhadap prestasi pelajar.

P1: *“...mak ayah dia mesti nak tahu dah hafal sampai surah mana, sebenarnya diaorang*

hantar je macam “teacher tengok ni saya buat video, anak saya buat ulangan hafazan”

Rajah 1 : Elemen Komunikasi

ELEMEN KOMUNIKASI	P2
SUMBER	Pembelajaran al-Quran bersama hadis ditetapkan pada Rabu sahaja.
KOMUNIKATOR	Guru-guru berperanan untuk menghabiskan silibus dengan target masing-masing.
PENERIMA	Jangan terlalu memaksa pelajar untuk terus menghafal. Bagi masa pelajar untuk menghafal berkaitan dengan subjek al-Quran.
SALURAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (P&P)	LCD, kertas, kad manila untuk membuat aktiviti bersama pelajar. Selain itu membuat aktiviti lakonan bagi surah-surah tertentu.
PEMINDAHAN MESEJ MELALUI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (P&P)	Guru-guru akan menyediakan bahan yang berbentuk <i>flash card</i> kepada pelajar untuk memudahkan pelajar untuk menghafal, mengingat dan memahami.
MAKLUM BALAS PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (P&P)	Guru memberi reward seperti alat tulis kepada pelajar Pra Tahfiz
KESAN TEKNIK PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (P&P) TERHADAP PELAJAR	Kadang-kala daripada ibubapa sendiri yang memaklumkan pelajar dah mula tahu tentang sesuatu perkara, bacaan dan sebagainya. Ibubapa juga memainkan peranan penting.

Sumber: Dapatan Kajian

5.0 PERIBINCANGAN KAJIAN

Komunikasi sentiasa memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia dan penguasaannya akan mempengaruhi keberkesanan kehidupan manusia (Saidatul Nornis, 2011). Komunikasi merujuk kepada pertukaran dan pengaliran maklumat daripada seseorang kepada orang yang lain. Komunikasi dapat menghubungkan dua belah pihak bagi tujuan menyampaikan maklumat (Mohd. Yusof et.al., 2011). Proses penghantaran mesej daripada penghantar kepada penerima diperlukan sebagai komunikasi. Komunikasi berkesan hanya akan berlaku apabila penerima memahami mesej yang dihantar dengan tepat. Komunikasi dan interaksi di dalam bilik darjah adalah penting dalam usaha mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Proses komunikasi berlaku dalam hampir segala jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Mok Soon Sang, 2000). Malah kepentingannya dalam pendidikan juga turut diakui Ah Meng Ee (1999) yang menjelaskan, komunikasi memainkan peranan yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Guru yang tiada kemahiran komunikasi dan interaksi akan mewujudkan kelas yang tidak kondusif menyebabkan Pelajar-Pelajarnya tidak bermotivasi.

Keberkesanan komunikasi lisan berbentuk arahan juga penting dalam memastikan proses pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lancar. Salah satu ciri untuk mewujudkan komunikasi berkesan adalah ciri kefahaman (Abdullah et. al., 1999). Dalam mewujudkan komunikasi berkesan terdapat beberapa perkara, antaranya ialah mewujudkan kefahaman yang sama mengenai ayat-ayat yang diujarkan (Maimunah Othaman, 2000). Pelajar yang dapat memberikan perhatian, memahami serta bertindak balas terhadap komunikasi bersama guru terhadap arahan yang didengarnya adalah kesan dari penggunaan teknik yang digunakan guru. Ini membuktikan bahawa guru tersebut mahir dalam berkomunikasi didalam kelas.

6.0 PENUTUP

Artikel ini menunjukkan elemen-elemen komunikasi Pra Tahfiz di As Salahuddin Smart Tahfiz School dan hubungannya dengan pencapaian pelajar yang dihasilkan. Oleh yang demikian memahami elemen-elemen kaedah hafazan Pra Tahfiz perlu diberi perhatian khusus oleh semua pihak dalam merangka kurikulum pengajaran dan pembelajaran Pra Tahfiz. Pendedahan kaedah pengajian Pra Tahfiz ini juga perlu dilakukan kepada guru Pra Tahfiz dan pelajar agar dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pra Tahfiz agar pencapaian terhadap kualiti hafazan pelajar tercapai dengan jayanya.

Bagi As Salahuddin Smart Tahfiz School terdapat beberapa penambah baikkan yang boleh dilakukan seperti menyediakan membuat kelas hafazan di luar bilik darjah, mengadakan pertandingan hafazan di bersama pelajar Pra Tahfiz cawangan lain As Salahuddin Smart Tahfiz School bagi meningkatkan semangat menghafaza dalam kalangan kanak-kanak Pra Tahfiz serta mengadakan kelas ulangan al-Quran bagi menjaga hafazan al-Quran. Walaubagaimana pun implikasi daripada kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak Pra Tahfiz di As Salahuddin Smart Tahfiz School mampu menghafal dan mengingat al-Quran dengan sangat baik sekiranya menggunakan metode yang telah disediakan.

RUJUKAN

- Ahmad Hasim Fauzan. 2015. Pola Pembinaan Baca Tulis Al-Qur'an (BTQ) Sebagai Upaya Peningkatkan Kemampuan Membaca Al-Quran. *Jurnal Ar-Risalah: Media Keislaman, Pendidikan dan Hukum Islam*. Jilid 15. Terbitan 1. 19-29.
- Ah Meng Ee .1999. Psikologi pendidikan 1: psikologi perkembangan (Semester 1). Penerbit Fajar Bakti, Malaysia.
- Aziz Bin Nordin & Siti Sumaziana Binti Che Ali Mohamed .2008. Persepsi Bakal Guru Tentang Tahap Kemahiran Komunikasi Berkesan Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Aliran Sains Fakulti Pendidikan UTM.
- Bhasah Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Yuslina Mohamed. 2013. Metodologi Penyelidikan EAP3072 Program Pensiswazahan Guru. Universiti Sains Islam Malaysia.

- Cheah Yin Mee. 2007. Oxford Kindergarten Essentials English Phonics K1. Marshall Cavendish Education.
- Dina Sekar Vusparatih. (2014). Peranan Komunikasi Guru Dalam Implementasi Kurikulum 2013. Jabatan Komunikasi Pemasaran. Fakulti Ekonomi dan Komuikasi. BINUS Universiti, Jakarta Barat. HUMANIORA Vol.5 No.1 April 2014.
- Haziyah Hussin, Masitah Ismail. 2018. Keberkesanan Kaedah al-Matien dalam Pembelajaran Tilawah al-Quran. Vol 3, No 2. Journal of al-Quran dan al-Sunnah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hatta Abdul Malik .2013. Pemberdayaan Taman Pendidikan Al-Quran (Tpq) Alhusna Pasadena Semarang. Dimas: Jurnal Pemikiran Agama Untuk Pemberdayaan. Vol 13, No 2. 387-404.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. *Metodologi Pengumpulan Data dalam Pengkajian Kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi. 2012. Pengkajian Kualitatif Dalam Sains Sosial. Kertas kerja dibentangkan di Kursus Pengkajian Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Khoirul Anwar, Mufti Hafiyana.2018. Implementasi Metode ODOA (One Day One Ayat) dalam Meningkatkan Kemampuan Menghafal Al-Quran. Jurnal Pendidikan Islam Indonesia. Issue 2, Vol 2. 181-198.
- Maimunah Osman.2000. Komunikasi Berkesan: Perhubungan Interpersonal. Institut Tadbiran Awam Negara.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. 2014. Kepemimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – Jpbm. Vol. 4, Bil. 1 (Mei 2014): 48-58
- Mok Soon Sang. (2000). Nota dan Latihan Ilmu Pendidikan: Pendidikan di Malaysia dan Psikologi Pendidikan 1. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Muhamad Anuar Basir.2013. Keberkesanan Teknik Al-Baghdadi dalam pembelajaran Al-Quran di Malaysia.Tesis Ijazah Sarjana Akademik Islam. University of Malaya.
- Muhadjir, Arwani & Md Iskandar. 2001. Kaedah Cepat Membaca al-Quran al-Barqy (secepat kilat). Kuala Lumpur: Riyaadhul Ameen Sdn. Bhd.
- Mutia Anggraini. 2017. Komunikasi Instruksional Guru Dalam Proses Pembelajaran Program Keahlian Rekayasa Perangkat Lunak Di SMKN2 Pekanbaru. Fakulti

Sains Politik Sosial. Riau Universiti, Pekan Baru. JOM FISIP Vol. 4 No. 2 – Oktober 2017

Norhayati Mohd Noor, Maslawati Mohamed¹, Azmawaty Mohamad Nor² and Rohaya Abdullah. 2018. Career Consultation As An Intervention Strategy In Alleviating Family's Mental Health: A Case Study On Students With Disabilities. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 33, 47–55, 2018

Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2011. Language and Cultural interconnectedness between Bruneian Malay and Sabah Malay Dialect: An Overview. *International Journal of the Humanities* · January 2011.

Samsuddin A. Rahim. 1993. *Komunikasi Asas*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Siti Patonah Mohamad, M. Y. Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyah Sharifah Hasan Adli. 2014. Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis Dari Sumber Tradisi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*. Bil 8. Jun 2014. Universiti Sultan Zainal Abidin.